

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

ZAE 481/4 - Laser dan Pergunaannya

Masa: [3 jam]

---


Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Pemalar:      Pemalar Boltzmann    =  $1.38 \times 10^{-23} \text{ JK}^{-1}$   
                        Pemalar Planck       =  $6.625 \times 10^{-34} \text{ Js}$   
                        Halaju Cahaya       =  $3.0 \times 10^8 \text{ ms}^{-1}$

1. (a) Menggunakan rajah yang sesuai, terangkan bahagian-bahagian penting suatu peranti laser. (30/100)
- (b) Berbantukan rajah yang sesuai, terangkan proses-proses berikut:
  - (i) Penyerapan Terangsang
  - (ii) Pancaran Spontan
  - (iii) Pancaran Terangsang(15/100)
- (c) Huraikan 5 sifat penting bagi suatu laser. (30/100)
- (d) Terangkan dengan ringkas bagaimakah laser HeNe dihasilkan. (25/100)

2. (a) (i) Nyatakan 2 fungsi cermin-cermin hujung yang digunakan di dalam peranti laser.
- (ii) Berbantukan gambarajah yang sesuai, terangkan bagaimanakah alur sinaran dapat dikurungkan di dalam rongga laser.
- (30/100)
- (b) Pertimbangkan sepasang cermin sfera  $M_1$  dan  $M_2$  dengan jejari kelengkungan  $r_1$  dan  $r_2$  masing-masing terpisah sejarak  $L$  dan ditempatkan dengan pusat kelengkungan di atas suatu garis sepunya, iaitu paksi optik alat resonator (rajah di bawah).



Merujuk kepada rajah di atas, terangkan syarat-syarat bagi kes-kes tersebut:

- (i) Alat resonator diperihalkan stabil.  
(ii) Alat resonator diperihalkan hampir-hampir stabil.

Nyatakan persamaan-persamaan bagi kes-kes tersebut.

(40/100)

- (c) Suatu laser mempunyai cermin-cermin terpisah sejarak 10 cm. Jika lebar tabii garis pancaran untuk transisi laser adalah  $\Delta f_o = 10^8$  Hz, adakah laser ini mempunyai lebih daripada satu frekuensi? Berikan alasan bagi jawapan anda.

(30/100)

...3/-

3. (a) Terangkan faktor kualiti, Q dan apakah kaitan Q dengan lebar garisan pancaran laser. (20/100)
- (b) Jelaskan mengenai mod-mod paksian laser dan apakah syarat untuk gelombang mereplikakannya sendiri. (30/100)
- (c) Menggunakan kertas graf yang sama, lakarkan 3 (tiga) graf keamatan,  $I$  lawan frekuensi,  $v$  bagi menunjukkan kesan rongga laser ke atas frekuensi, iaitu:
- (i) Graf menunjukkan pelebaran tabii frekuensi-frekuensi dalam garis pancaran.
  - (ii) Graf menunjukkan frekuensi-frekuensi resonans yang dihasilkan oleh cermin-cermin.
  - (iii) Graf menunjukkan output laser.
- (30/100)
- (d) Cari pemisahan di antara frekuensi-frekuensi mod,  $\Delta v$  jika cermin-cermin yang digunakan dalam alat resonator terpisah sejarak 20 cm. (20/100)
4. (a) Nyatakan 5 (lima) penggunaan holografi. (20/100)
- (b) Terangkan prinsip fizik yang digunakan dalam menghasilkan holografi. (20/100)
- (c) Berbantukan rajah yang sesuai, jelaskan bagaimanakah suatu hologram dihasilkan. (30/100)

- (d) Suatu hologram dibuat dengan filem beresolusi 1000 garis/mm. Cahaya dari laser He-Ne,  $\lambda = 632.8$  nm, digunakan untuk merekod dan melihat hologram tersebut. Alur rujukan adalah serenjang kepada hologram ini. Cari medan lihat sudut maksimum bagi hologram itu. (30/100)
5. (a) Terangkan 2 (dua) kebaikan dan 2 (dua) penghadan sistem komunikasi laser. (30/100)
- (b) Berbantukan gambarajah dan lakaran graf yang sesuai, perihalkan mengenai sistem komunikasi laser. (40/100)
- (c) Terangkan 2 (dua) penggunaan khas laser dalam sistem komunikasi. (30/100)

- oooOooo -